

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	22 September 2015



PUTRAJAYA 21 Sept. - Melaka dan wilayah Guangdong di China hari ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi pewujudan negeri dan wilayah persahabatan untuk terus memperkukuhkan hubungan keijasama antara kedua-dua pinak.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron dan Gabenor Wilayah Guangdong, Zhu Xiaodan menandatangani MoU itu, dengan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang menyaksikan majlis itu, selepas menerima kunjungan hormat Znu dan delegasi beliau di pejabatnya di sini.

Antara bidang kerjasama di bawah memorandum itu adalah pembangunan tanah termasuk tebus guna tanah, pertanian, kesalinghubungan, perkongsian ilmu dalam perdagangan dan pelaburan, pelancongan, pembangunan taman perindustrian yang menggalakkan teknologi hijau serta mempermudah komunikasi antara pengamal dan institusi kebudayaan mis-

alnya muzium.

Dalam sidang media selepas itu, Idris berkata, pemeteraian MoU Persahabatan itu merupakan detik bersejarah bagi Melaka dan Malaysia bagi memperkukuhkan hubungan dua hala khususnya Melaka-Guangdong.

"Perdana Menteri mahu MoU ini tidak hanya bersifat 'ceremony' tetapi mahu pelan-pelan tindakan diambil bagi meraberi wajah baharu kepada landskap ekonomi Melaka dan Malaysia," katanya.

Idris berkata, sebuah jawatankuasa kerja akan ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan bidang kerjasama yang dibincangkan agar menjadi kenyataan tidak lama lagi.

Katanya, ia antara lain melibatkan pembinaan Taman Perindustrian Maritim, Taman Perindustrian Guangdong-Melaka (pengeluaran barangan pengguna elektrik), pembinaan pelaburan laut dalam di Melaka, pembinaan/penyediaan kawasan-kawasan guna tanah bagi tujuan perdagangan dan pemia-

gaan.

"Kita akan memulakan kerjasama setelah perjanjian di peringkat subseksyen aitandatangani termasuk dengan pihak swasta," katanya.

Pada Sabtu iepas, tujuh syarikat dan agensi kerajaan negeri Melaka menandatangani MoU bersama tujuh syarikat dari Guangdong dan disaksikan Zhu yang mengadakan lawatan ke Melaka.

Idris berkata, Najib dan Zhu juga mahu penerbangan langsung Melaka-Guangdong dapat dilaksanakan dalam tempon terdekat.

Turut hadir dalam majlis hari ini ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri di Jabatan Perdana Meht#ft{@attik Dr. Wee Ka Siong dan Duta Khas Perdana Menteri ke China, Tan sff Ong KaTing.

Hadir sama, Setiausaha Agung wilayah Guangdong, Li Feng; Ketua Pengarah Pejabat Hal Ebwal Luar Guangdong, Fu Lang dan Duta China di Malaysia, Dr. Huang Huikang.

-BERNAMA